

UCAPAN Y.A.B. KETUA MENTERI PULAU PINANG  
SEMPENA PELANCARAN RUKUN TETANGGA SEKTOR  
MINDEN HEIGHTS PADA 1HB NOBEMBER, 1977

JAM 5.00 PETANG

\*\*\*\*\*

Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa,

Setiausaha Kerajaan,

Pegawai Daerah, Daerah Timur Laut,

Yang Berhormat-Yang Berhormat,

Tuan-Tuan dan Penduduk-Penduduk Sektor Rukun  
Tetangga Sektor Minden Heights.

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan

ucapan terima kasih kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa

Sektor Minden Heights yang telah menjemput saya

ke Majlis Pelancaran untuk meresmikan sektor ini.

Memang menggalakkan untuk mengetahui bahawa

penubuhan sektor-sektor Rukun Tetangga dapat di-

selenggarakan dengan teliti dan sistematik yang

mencerminkan kerjasama rapat diantara rakyat dengan Kerajaan. Saya ucapkan syabas kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa dan juga pemaustautin-pemaustautin Minden Heights yang telah sama-sama berganding bahu untuk menjayakan sekim Rukun Tetangga di sektor ini.

2. Pada hari ini kita berkumpul disini untuk menyaksikan pelancaran sektor Rukun Tetangga yang ke 23 di Negeri Pulau Pinang. Organisasi ini semata-matanya bergantung kepada rakyat sendiri dan sambutan orang ramai terhadap sekim Rukun Tetangga amat memuaskan dan baik.

3. Sektor ini amatlah sesuai sekali dalam menjalankan kawalan-kawalan, memandangkan kepada

bentuk kawasan perumahan yang padat. Saya yakin bahwa pemaustautin-pemaustautin di kawasan ini akan bekerjasama dengan rapatnya diantara satu sama lain demi memastikan keselamatan, keamanan dan kebahagiaan disektor ini. Ini akan memberi sumbangan terhadap membina sebuah masyarakat yang berdikari dan semangat yang ingin menolong diantara satu sama lain.

4. Sekim Rukun Tetangga ini adalah ditubuhkan untuk menggerakkan semua rakyat-rakyat bagi melibatkan diri mereka dengan sepenuhnya dalam tugas-tugas mengekalkan keselamatan negara. Saya percaya bahawa Rukun Tetangga akan memainkan satu peranan yang

penting untuk kita memupuk perpaduan di kalangan rakyat kita melalui Rukun Tetangga dapatlah kita memperkembangkan aktiviti-aktiviti masyarakat dengan lebih berkesan demi kebaikan untuk semua orang sebagai adik-beradik rakyat Malaysia.

5. Sekim Rukun Tetangga ini telah pun membawa kesedaran kepada rakyat kita terhadap cara hidup mereka sendiri. Melalui sekim ini, rakyat kita harus berfikir dan bertindak sebagai rakyat Malaysia demi mengekalkan keamanan, keselamatan dan kemajuan rakyat di semua lapisan dan ianya membayangkan hasrat masyarakat kita sebenar-benar rakyat untuk memupuk perpaduan, perasaan saling mengerti dan persefahaman di antara satu sama lain demi membina

sebuah masyarakat yang adil dan saksama untuk semua.

6. Baru-baru ini kita telah merayakan ulang tahun Kedua Rukun Tetangga Negeri Pulau Pinang yang mana sambutan yang diberikan oleh masyarakat dan juga sektor-sektor Rukun Tetangga amatlah membanggakan. Saya percaya bahawa di masa-masa hadapan lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti dapat dijalankan terutama sekali di sektor Minden Heights.

7. Untuk faedah dan kebaikan pemaustautin di kawasan ini Rukun Tetangga ini adalah satu asas bagi menjayakan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita

Datuk Hussein Onn telah menitikberatkan betapa pentingnya penglibatan rakyat untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga. Kerajaan juga sedar bahawa rakyat kita perlu mengorbankan masa kelapangan mereka demi mencapai objektif mengekalkan keselamatan negara serta memberi bantuan kepada pihak polis untuk menghapuskan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian **Pasukan Keselamatan dan Polis** mempunyai tugas-tugas yang berat yang mana saya percaya bahawa sekiranya tuan-tuan dapat mengawal kawasan masing-masing maka dapatlah **Pasukan-Pasukan Keselamatan dan Polis** dapat menumpukan

tugas mereka dengan lebih berat lagi untuk menjaga dan mengekalkan keselamatan negara kita. Melalui usaha-usaha sama orang ramai dengan pasukan keselamatan kita akan dapat mempertahankan negara kita dengan lebih berkesan terhadap ancaman-ancaman niat-niat anasir-anasir subversif yang cuba menjejaskan keamanan, keselamatan dan kebahagiaan kita.

9. Pelancaran Sektor Minden Heights sudah tentu sekali akan memberi peluang kepada penduduk-penduduk untuk saling mambantu mengawal kegiatan-kegiatan jenayah dan kecurian di kawasan ini. Saya telah diberitahu bahawa jenayah-jenayah kecil berlaku di kawasan ini dan sudah tentu sekali dengan

adanya Rukun Tetangga di sektor ini maka tuan-tuan telah pun diberi peluang untuk menggerakkan tenaga tuan-tuan untuk mengawal kawasan ini. Saya harap usaha-usaha tuan-tuan akan mengurangkan kejadian jenayah kecil dikawasan ini. Tuan-tuan juga mungkin dapat menghapuskan kejadian buruk ini dengan sepenuh-penuhnya.

10. Ingin saya menarik perhatian mengenai kegiatan salahguna dadah yang dihadapi oleh belia-belia kita. Dewasa ini terdapat beberapa masalah tentang kegiatan sosial dan penglibatan setengah belia-belia dan kegiatan yang tidak sihat. Di sini saya menyeru supaya lebih banyak lagi belia-

belia tampil ke hadapan mengambil bahagian yang aktif dalam Sekim Rukun Tetangga dan mereka juga digalakkan untuk memberi sumbangan kepada projek-projek yang diselenggarakan oleh Sekim Rukun Tetangga setelah sekim ini dilancarkan dengan jaya dikawasan ini. Kita harus memahami bahawa pihak yang tidak bertanggung jawab cuba melemahkan akhlak belia-belia kita. Saya harap tuan-tuan sekalian akan mengarahkan usaha-usahanya demi memberi bantuan dan galakan kepada belia-belia di kawasan ini dan seterusnya mencegah belia daripada terpengaruh dengan selok-belok anasir-anasir subversif.

11. Akhir sekali saya berharap supaya sektor ini dapat maju ke hadapan dengan kerjasama pemastautin dan juga daya usaha ahli-ahli Jawatankuasa dan saya yakin bahawa sektor ini akan menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti yang mana akan memberi munafaat kepada masyarakat sektor ini.

Dengan bangga dan sukacitanya saya meresmikan Kawalan Rukun Tetangga Sektor Minden Heights.

Sekian, terima kasih.